

Jangan bimbang penstrukturan JPN - Hishammuddin

UM - 11/4/2007.

CYBERJAYA 10 April - Penstrukturan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) merupakan proses berterusan dan dilaksanakan mengikut keperluan semasa yang sentiasa menuntut kepada perubahan.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, mereka yang terlibat dinasihatkan supaya tidak bimbang kerana beliau tetap memberikan keutamaan dalam memartabatkan profesion perguruan.

Beliau berkata, penstrukturan semula itu bertujuan memastikan sistem pendidikan sentiasa mantap dan boleh dibanggakan.

"Jangan bimbang dengan apa yang mungkin berlaku kerana keikhlasan saya untuk memartabatkan profesion perguruan tidak berbelah bahagi.

"Kalau kita tidak melihat penstrukturan secara berterusan, kita akan ketinggalan dan saya harap semua pihak memahami bahawa ia satu usaha berterusan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis perasmian Sekolah Seri Puteri oleh Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah di sini, hari ini.

Penstrukturan semula JPN yang melibatkan kemasukan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) telah menimbulkan bantahan semua kesatuan, pertubuhan dan badan dalam perkhidmatan pelajaran.

Wakil-wakil kesatuan dan persatuan yang mempunyai kira-kira 500,000 ahli itu sebulat suara membantah kemasukan PTD yang disifatkan menimbulkan situasi janggal kerana mereka tidak berpengalaman menerajui JPN.

Yang Dipertua Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia (PBPPM), Abdul Manan Mohd. Noh berkata, banyak perkara perlu dirundingkan terlebih dahulu bagi mewujudkan situasi menang-menang kepada semua pihak.